



Anwar merasmikan Kampus UKM di Doha, kelmarin.

(Foto BERNAMA)

UKM catat sejarah buka kampus di Doha

Doha: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata pembukaan bersejarah Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Doha kelmarin, meletakkan status pengajian tinggi negara di pentas dunia.

Beliau berkata, UKM mengorak langkah yang unik dengan pembukaan kampus berkenaan apatah lagi universiti itu bermula sebagai sebuah institusi pengajian awam Malaysia yang menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa peng-

antar utama.

“Sebagai salah seorang yang menandatangani memorandum mendesak penubuhan sebuah universiti awam yang berteraskan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar, saya berasa bangga untuk bersama-sama warga UKM pada hari yang gemilang ini,” kata beliau menerusi hantaran di laman Facebook.

Anwar berharap langkah dirintis UKM itu akan membuka laluan lebih luas dan besar kepada universiti awam Malaysia

yang lain untuk mengorak langkah serupa selepas ini.

Beliau turut mengucapkan tahniah dan syabas kepada Naib Canselor UKM, Prof Datuk Dr Mohd Ekwan Toriman di atas kejayaan berkenaan.

“Saya ingin memanjatkan rasa syukur kerana diberi kesempatan dan ruang ketimbang keberadaan saya di Doha untuk bersama-sama kepemimpinan dan warga UKM untuk menyaksikan saat-saat yang unik dan bersejarah ini,” katanya. BERNAMA